

Ulasan buku Intelektual Masyarakat Membangun oleh Syed Hussein Al-Attas

Oleh Khairul Akmal Salim

**ulasan ini ditulis selepas perbincangan Wacana Intelektual Daerah bahagian Putrajaya yang pertama pada 25 Februari 2018 anjuran Putrajaya Circle, satu inisiatif oleh Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran Malaysia (PPFPM)

Sejarah dan Pengenalan

Buku Intelektual Masyarakat Membangun (IMB) tulisan Syed Hussein Al-Attas (SHA) bukanlah satu karya yang asing di kalangan intelektual Malaysia. Buku ini pertama kali diterbitkan pada 1977 dalam Bahasa Inggeris (*Intellectuals in Developing Societies*) di London. Selama lebih 30 tahun SHA telah memulakan perjalanan dalam pokok pembicaraan tentang kaum intelektual dalam masyarakat membangun melalui ceramah Radio Malaya di Kuala Lumpur. Sejak tahun 1964 hingga tahun 1967, SHA membincangkan masalah ini dalam kuliah di Universiti Malaya dan seterusnya di Universiti Singapura. Buku ini lahir daripada kekecewaan SHA kepada kaum intelektual tempatan yang tidak berfungsi serta kegusaran SHA kepada nasib negara jika tidak munculnya satu kaum intelektual yang mampu memberi dampak dalam hal-hal dan permasalahan pentadbiran negara. Dalam 11 bab ini, SHA menunjukkan kajian beliau tentang kaum intelektual dalam masyarakat membangun serta masyarakat maju dan tidak terjajah, beliau menyentuh dan melakukan perbandingan kualitatif antara Malaysia dengan negara-negara lain seperti Filipina, Indonesia, India, China, Jepun, Turki, Russia, Perancis dan Amerika Syarikat, perbandingan tentang sifat intelektual yang berfungsi dan tidak, pandir dan bebalisme, ketidakadilan intelektual, dan implikasi daripada ketiadaan kepimpinan yang berintelek.

Dalam bab 1, Latar Belakang Malaysia: Catatan Peribadi; SHA menceritakan pengalaman dan refleksi beliau tentang keadaan kaum intelektual di negara membangun seperti Malaysia. Dalam bab 2, Kaum intelektual dan Fungsinya; SHA memberikan pendefinisian kepada Intelektual dan menrungaikan sifat-sifat yang perlu ada pada seorang intelektual. Dalam bab 3, Bebalisme; SHA menghuraikan satu fenomena yang berlaku sekiranya fungsi kaum intelektual dilenyapkan dalam bidang pentadbiran negara. Dalam bab 4, Orang pandir dalam Masyarakat Membangun; SHA menulis tentang sifat lawan bagi Intelektual yang dimiliki oleh pandir-pandir dalam sebuah masyarakat dan bagaimana kekuatan mereka yang menjalar dalam setiap pucuk pimpinan dalam masyarakat berorganisasi akan meruntuhkan masyarakat itu seperti gejala rasuah; kegagalan perancangan, eksterisme agama dan sebagainya. Dalam bab 5, Kaum Intelektual dan Masyarakat Membangun; SHA mengangkat contoh gerakan Intelektual di negara-negara lain dan menganalisis kejayaan dan kegagalan mereka. Dalam bab 6, Kepentingan Kaum Intelektual; SHA menjelaskan kepentingan kaum intelektual dan memperluaskan skop perbincangan dengan membandingkan golongan intelektual di negara barat. Dalam bab 7, Kemunculan Kaum Intelektual; SHA mencertakan keadaan sejarah dan sosial yang menyebabkan kemunculan kaum intelektual. Dalam bab 8, keterbelakangan dan Kaum Intelektual: Gejala Rusia dan Masyarakat Membangun; SHA menghuraikan masalah kaum intelektual dan kemunduran mengambil Rusia sebagai contoh. Dalam bab 9, kaum Elit yang Mundur dan Pemodenan; SHA membincangkan hubungan antara elit yang mundur dan pemodenan. Dalam bab 10, Ilmu Pengetahuan dan Kaum Elit Mundur; SHA merujuk kepada pengaruh elit mundur dalam perkembangan sains dan teknologi di negara-negara membangun. Dalam bab 11, intelektual Masyarakat membangun; SHA menganalisis peranan golongan elit mundur dan konteks sejarah proses pemodenan.

Ulaskan dan Kritikan

“Falsafah yang membuat manusia dapat difahami manusia, menerangkan kemuliaan manusia, dan menunjukkan jalan yang semestinya. Cacat pertama yang segera tampak pada setiap bangsa yang mengalami kemerosotan adalah pada semangat falsafahnya. Kemudian cacat tersebut menyebar ke ilmu lain, seni dan hal yang berkaitan lainnya.” P.16

Ayat ini kekal relevan sehingga hari ini. Kelihatan dalam setiap pelusuk masyarakat, ketiadaan sosok intelektual yang berfungsi di setiap organisasi keluarga, masyarakat mahupun institusi menyebabkan berlakunya penindasan terhadap nilai. SHA telah memberi amaran, sekiranya kaum pandir mendominasi, maka nilai merekalah yang menjadi nilai masyarakat; kesedaran mereka menjadi kesedaran masyarakat. Nilai kaum pandiri jika tidak dibendung akan meresap ke liang semangat dan sehati dalam budaya, maka masyarakat akan jadi sukar untuk diselamatkan. Antara implikasi yang diperkatakan oleh SHA adalah, terdapat kurangnya kecintaan dan hormat kepada peradaban, kesusaterawan dan keilmuaan, mengabaikan hujah yang tertib dan rasional serta tidak memberi penghargaan kepadanya, pegangan karut dan tahyul yang di luar kawalan, mudah menyebar desas-desus tanpa taakul, kurang kehalusan budi pekerti, tingkat perbahasannya menurun dan tidak pula merasa malu dan serba salah atas turunnya mutu estetika dan seni. Gejala ini telah pun dikenalpasti dalam masyarakat Malaysia pasca-merdeka, dan sehingga kini adakah masalah-masalah ini telah diselesaikan?

SHA banyak menekankan kesalahan penjajah, golongan elit yang mundur kepada kegagalan kaum intelektual untuk berfungsi. Mentaliti “minda tertawan” ini yang bergantung pada pemikiran penjajah Barat dalam segala kegiatan ilmiah menyebabkan kita tidak mampu berfikir secara kritikal dan mencipta gagasan teori yang asli, ditambah lagi dengan kokongan intelektual yang dilakukan oleh golongan elit untuk melindungi kepentingan mereka sendiri, gagal “merakyatkan” falsafah yang seterusnya melahirkan ramai pak pandir yang tidak mampu berfikir di Malaysia. Disebabkan terdapat banyak minda tertawan yang obses dan tunduk kepada pemikiran Barat tanpa memahaminya, pak pandir yang gagal mengenalpasti nilai dengan baik, membuat golongan elit mudah memanipulasi awam bagi mengekalkan kuasa mereka. Ditambah dengan kaum intelektual yang terjebak dengan bebalisme, bungkam di depan kuasa atorian, mereka juga akur dan meneruskan legasi pembetulan hari ini. Hasilnya, walaupun jumlah graduan berijazah bertambah daripada 40 tahun yang lalu, adakah proses pemodenan dan pembangunan negara setaraf negara yang maju?

Pada empat dekad yang lalu, SHA telah menulis kita akan menyaksikan gejala seperti kelesuan institusi pendidikan dalam keseriusan intelektual, birokrasi dicengkam depotisme, kenaikan pangkat bukan berdasarkan merit, penghakisan nilai demokrasi berparlimen, pemimpin yang korup dan ketakutan masyarakat kepada status quo dan apathi masyarakat kepada prinsip moral. Realiti dalam setiap masyarakat tidak kira maju dan membangun, pak pandir akan selalu ada. Ianya adalah seperti lumrah dunia atau hukum alam. Tetapi perlu diingatkan terdapat golongan yang diperintah dan golongan yang memerintah. Apa yang berlaku di kebanyakan negara di mana kaum pandir yang memerintah dan menindas kaum intelektual disebabkan majoriti yang memilih mereka adalah dalam golongan yang sama. Persoalannya, bagaimana caranya kaum intelektual mampu kekal relevan dalam masyarakat? SHA memberitahu kaum intelektual perlulah kuat megiatkan aktiviti intelektual dengan masyarakat, penghargaan seni estetika, menjaga serta menambahbaik nilai/kesedaran masyarakat, mengadakan pertembungan intelektual dengan rakan sejawat dan masyarakat melalui prasarana penerbitan, ceramah mesyuarat dan pertemuan kelompok kecil. Mereka perlu menyentuh isu-isu massa dan

sentiasa mencuba untuk berada dalam gelanggang politik dan radar media. Kerajaan juga perlu mengambil nasihat daripada ilmuwan dalam hal pentadbiran. Pada hemat penulis, masalah ini juga tidak dapat dicapai jika tiada kesatuan atau satu usahasama berorganisasi oleh para intelektual dalam menyusun strategi membunuh bebalisme.

Kesimpulan

SHA telah meninggal pada 2007 dan beliau meninggalkan buku ini untuk para intelektual di Malaysia supaya bermunasabah, dan memikirkan penyelesaian terhadap kerumitan situasi intelektualisme di Malaysia. Pada hemat penulis, perkara paling penting dalam kegiatan intelektual adalah niat yang murni serta kerjasama kaum intelektual kerana kegiatan intelektual adalah satu perkara yang sangat mencabar dan kurang diberi perhatian oleh umum. Namun begitu, penulis merasakan satu-satunya cara melawan bebalisme adalah dengan “merakyatkan” falsafah, agar falsafah menjadi bualan harian di kedai-kedai kopi dan bukannya isu-isu picisan yang tidak menampakkan kemegahan sesuatu bangsa. Kemudian barulah intelektualisme boleh mara dan lantang memecahkan segala kawalan atasan yang membelenggu kebebasan intelektual di Malaysia.

Sempena itu, penulis ingin mengambil peluang ini untuk memperkenalkan Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran Malaysia (PPFPM). Pertubuhan ini selain melatih pelajar sekolah menengah kita untuk bertanding di International Philosophy Olympiad (IPO) setiap tahun, ia bertujuan kami sangat komited dalam menyebarkan pendidikan falsafah kepada rakyat kepada semua peringkat dengan menganjurkan pelbagai acara, seminar dan forum berkaitan falsafah. Jika anda sudah lali dengan perbualan harian tiada makna dalam masyarakat perdana dan ingin mengubahnya, lihat di Instagram, twitter dan blog @PPFPM atau emel jika terdapat pertanyaan atau perkongsian emelppfpm@gmail.com